

21 OCT 2003

SABAH-MIKROKREDIT

LEBIH 10,000 USAHAWAN KECIL SABAH DAPAT MANFAAT SKIM KREDIT MIKRO

KOTA KINABALU, 21 Okt (Bernama) -- Seramai 10,314 pemohon di Sabah telah mendapat manfaat daripada Skim Kredit Mikro dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan sebanyak RM24.6 juta setakat 31 Ogos tahun ini.

Pembantu Menteri Kewangan Datuk Hajiji Mohamad Noor berkata Bank Pertanian Malaysia (BPM) telah menerima 1,333 permohonan, dan daripada jumlah itu, 1,062 permohonan diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM11.6 juta.

Bank Simpanan Nasional (BSN) pula meluluskan 785 permohonan dengan jumlah pinjaman RM8.5 juta manakala Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) meluluskan 8,467 permohonan membabitkan pinjaman sebanyak RM4.5 juta, katanya ketika menjawab soalan Datuk Dr Clarence Bongkos Malakun (BN-Moyog) pada sesi soal jawab persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah, di sini hari ini.

Skim Kredit Mikro itu diperkenalkan oleh kerajaan dibawah pakej rangsangan ekonomi dan ia dilaksanakan melalui agen-agen penyaluran dana yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan iaitu BPM, BSN dan AIM.

Ketika menjawab soalan tambahan Adun Moyog itu, Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan negeri bersedia membantu para pengusaha untuk mendapatkan pinjaman melalui Skim Kredit Mikro.

"Sebelum ini saya telah mencadangkan agar diwujudkan pusat sehenti bagi menyelaras permohonan daripada kalangan rakyat Sabah yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan.

"Ini bagi memudahkan mereka (usahawan kecil) memohon pinjaman terutama perkara yang berkaitan dengan penyediaan kertas kerja," katanya.

Musa berkata tidak semua permohonan untuk mendapatkan pinjaman Skim Kredit Mikro diluluskan kerana beberapa faktor termasuk pengalaman dalam bidang perniagaan perlu diambil kira bagi memastikan tujuan asal skim itu tercapai.

"Ada pemohon yang mungkin tidak mempunyai pengalaman langsung dalam bidang perniagaan. Jadi, pinjaman melalui Skim Kredit Mikro ini tidak diberikan sewenang-wenangnya.

"Kalau tidak orang yang mendapat pinjaman mungkin tidak dapat membayar balik yang akhirnya menjejaskan tujuan asal kerajaan membantu rakyat memajukan perniagaan mereka," kata beliau.

Program kredit mikro, yang bertujuan membantu golongan usahawan kecil memajukan perniagaan, merupakan antara strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas. -- BERNAMA

NT AHM